

**WAN Iskandar**  
menunjukkan  
belakangnya  
yang cedera.



# Tebing tembok mendap tiba-tiba

**Alor Gajah:** Seorang pelajar Universiti Teknologi Petronas (UTP) cedera di badan apabila tebing tembok pesisir pantai di Pantai Peranginan Padang Kemunting, Pengkalan Balak, di sini, merekah dan mendap, semalam.

Dalam kejadian jam 12 tengah hari, Wan Iskandar Wan Su, 22, tiba di pantai berkenaan bersama 20 pelajar lain dan menyusur tebing berkenaan untuk membuat kajian.

Akibat kejadian itu, mangsa yang tergelincir dan jatuh terlentang cedera di belakang badan, siku dan lengan kanan sebelum mendapatkan rawatan di sebuah klinik swasta.

Wan Iskandar berkata, ketika kejadian dia menyusur tebing tembok berkenaan

manakala rakan lain mengekorinya di belakang sebelum tergelincir apabila sebahagian lantai tebing yang dipijak tiba-tiba merekah.

"Ketika kejadian saya jalan dulu di hadapan manakala rakan lain mengekori di belakang sambil kami berbincang mengenai kajian sedang dijalankan di sekitar pantai.

"Tiba-tiba sebahagian lantai tembok yang dipijak merekah dan saya gagal mengimbangi badan menyebabkan kaki tergelincir dan jatuh terlentang di bahagian bucu tembok tebing.

"Mujur saya dapat menahan kepala daripada terhantuk pada bucu tebing tembok dengan siku saya, kalau tidak pasti saya akan mengalami kecederaan lebih teruk," katanya.

Sementara itu, Pengerusi

Persatuan Chalet dan Resort Bumiputera Melaka Zakaria Othman, 50, yang kebetulan berada di tempat kejadian turut menjadi saksi insiden berkenaan yang berlaku di hadapannya.

Menurut Zakaria, kejadian berlaku akibat rekahan pada lantai tebing tembok berkenaan yang mendap secara tiba-tiba ketika beberapa pelajar terbabit sedang melakukan kajian untuk kursus mereka.

"Bagaimanapun, kecederaan dialami tidak serius sebelum dirujuk ke sebuah klinik untuk rawatan selanjutnya," katanya.

Menurutnya, tembok tebing itu sebahagiannya rosak teruk selepas runtuh sejak tiga bulan lalu akibat ombak besar dan perkara itu sudah dimaklumkan kepada pihak berkaitan untuk tindakan lanjut.